

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID (KAPAR)**

**SOALAN NO. 20**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang menyediakan khidmat latihan TVET kepada bekas banduan atau bekas penagih dadah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia untuk menyediakan khidmat latihan TVET dengan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di 37 buah penjara yang telah diluluskan oleh JPK sebagai penyedia latihan SLDN di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.
2. Sehingga Ogos 2018, lebih 13,700 perantis terdiri daripada banduan dan tahanan telah berjaya didaftarkan di dalam pelbagai program meliputi 47 kod bidang berpandukan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Banduan dilatih supaya memiliki kemahiran yang menjadi nilai tambah untuk diterima dalam pasaran pekerjaan.

## **SOALAN NO : 20**

Mereka juga mendapat persijilan kemahiran Malaysia yang diiktiraf Kerajaan dan industri. Program SLDN ini menjadi platform menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas banduan yang mengikuti program ini supaya dapat menyara kehidupan selepas dibebaskan. Ia sekali gus menjadi kaedah pemulihan yang efektif dengan penumpuan diberi kepada meningkatkan taraf ekonomi mereka.

3. Kesimpulannya, kejayaan program SLDN di JPM ini menggalakkan Kerajaan untuk meneruskan program tersebut dengan agensi-agensi lain yang mahu bekerjasama dengan KSM bagi membantu memulihkan dan mengembalikan banduan untuk hidup dalam kalangan masyarakat dengan lebih baik.